



**KENYATAAN BERSAMA  
MESYUARAT MENTERI-MENTERI KESIHATAN ASEAN (AHMM) KALI KE-14  
29 OGOS 2019, SIEM REAP, KEMBOJA**

**KAMI**, Menteri-Menteri Kesihatan dari negara-negara anggota ASEAN (AMS), mewakili Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam, bersidang di Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN pada 29 Ogos 2019 di Siem Reap, Kemboja.

**MENGIMBAS SEMULA** visi Pemimpin-Pemimpin Komuniti ASEAN yang digariskan dalam Deklarasi Kuala Lumpur pada tahun 2015 mengenai Penubuhan Komuniti ASEAN dan sokongan serentak bagi “ASEAN 2025: Bersama Melangkah Ke Hadapan” yang mengandungi antara lain, Blueprint 2025 Komuniti Sosio-Budaya ASEAN, pada Sidang Kemuncak ASEAN Kali Ke-27 pada November 2015 di Kuala Lumpur, Malaysia.

**MENGESAHKAN SEMULA** komitmen terhadap “Agenda Pembangunan Mampan 2030” (“2030 Agenda for Sustainable Development”) sepertimana yang dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Kali Ke-70 yang merangkumi matlamat kesihatan yang menyeluruh bagi “memastikan kehidupan yang sihat dan mempromosikan kesejahteraan untuk semua di semua peringkat umur.”

**MENGAKUI** komitmen terhadap matlamat “Bersama Ke Arah ASEAN yang Sihat” (“Together Towards A Healthy ASEAN”) pada Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan Asean (AHMM) Kali Ke-13 yang diadakan pada 6 September 2017 di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, yang komited terhadap perancangan dan perlaksanaan multi-sektoral serta multi-stakeholder bagi Deklarasi Pemimpin-pemimpin ASEAN mengenai: (1) Rintangan Antimikrob: Mengatasi AMR melalui Pendekatan Satu Kesihatan; (2) Menghentikan Semua Jenis Malnutrisi; dan (3) Pengurusan Kesihatan Akibat Bencana; dan, pada perlaksanaan dan pemantauan keempat-empat Program Kerja Kluster Kesihatan ASEAN yang diiktiraf dan bagi dua puluh Keutamaan Kesihatan dalam Mempromosi Gaya Hidup Sihat; Bertindak Balas Terhadap Semua Bahaya dan Ancaman; Memperkuatkukan Sistem Kesihatan dan Akses Kepada Penjagaan; dan Memastikan Keselamatan Makanan.

**BERSATU** dalam misi untuk mencapai matlamat-matlamat di bawah Agenda Pembangunan Kesihatan ASEAN Pasca-2015 (ASEAN Post-2015 Health Development Agenda), dan untuk “Mempercepatkan Kesihatan untuk Semua di ASEAN”, termasuk menentang ubat-ubatan yang dipalsukan dan *substandard*, memastikan pembelianan kesihatan yang mampan, mengukuhkan kapasiti untuk melaksanakan Peraturan

Kesihatan Antarabangsa (IHR) melalui Strategi Asia Pasifik bagi Penyakit-Penyakit yang Muncul dan Kecemasan Kesihatan Awam (APSED III), dan mempromosi inovasi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan, AHMM Kali Ke-14 telah membincangkan dan bertukar pandangan mengenai persediaan dan tindak balas bagi cabaran kesihatan di masa hadapan serta agenda dan keutamaan pembangunan kesihatan yang akan datang, dan bersetuju seperti berikut:

1. Kami bersetuju untuk terus mengekalkan dan memanfaatkan keuntungan yang diperolehi dari perlaksanaan Agenda Pembangunan Kesihatan ASEAN Pasca-2015 dan bergerak maju untuk membangunkan program-program kerja dan inisiatif-inisiatif projek bagi tahun 2021 – 2025 berdasarkan prestasi program-program kerja bagi tahun 2016 – 2020, dan pendekatan seluruh masyarakat dan keseluruhan kerajaan.
2. Kami komited untuk mempromosi pgunaan yang sihat dan aktif melalui persekitaran yang menyokong dan mendorong yang mana memudahkan kerjasama pelbagai sektor yang kuat dan berkesan, menerusi inisiatif-inisiatif bersama negara dan serantau. Kami mengesahkan penubuhan Pusat ASEAN bagi Pgunaan yang Aktif dan Inovasi (ACAI), yang akan menjana pengetahuan dan inovasi; menyokong dasar-dasar pgunaan yang aktif dan perlaksanaannya; dan, mengukuhkan kapasiti dan memudahkan kerjasama antara AMS, entiti antarabangsa dan rakan kongsi lain, mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pgunaan yang sihat dan aktif.
3. Kami mengesahkan semula komitmen kami untuk mempercepatkan tindakan-tindakan untuk mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit melalui peningkatan keupayaan masyarakat dan rakyatnya dalam mempromosi gaya hidup yang lebih sihat, menggerakkan dana yang mampan bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit dan memperkuatkan penglibatan multi-sektoral serta multi-stakeholder dalam melaksanakan saranan-saranan “best buy” dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan intervensi-intervensi yang lain, selaras dengan konteks negara, menangani penentu-pentru komersial dan sosial bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit; dan Rangka Kerja Strategik ASEAN dan Pelan Tindakan Pemakanan 2018 – 2030 untuk mempromosi pemakanan yang baik dan sihat; mempromosi aktiviti-aktiviti kesihatan fizikal dan mental; program-program diagnosis dan rawatan awal penyakit-penyakit tidak berjangkit; dan, pencegahan kecederaan.
4. Kami terus mengesahkan semula komitmen kami dalam memberikan kerjasama yang efektif dan perlaksanaan aktiviti yang berterusan untuk kesediaan, pencegahan, pengesanan dan tindak balas terhadap penyakit-penyakit berjangkit, yang muncul dan muncul semula, termasuk pandemik dan penyakit tropika yang diabaikan, dan kecemasan kesihatan awam lain atau kesan kesihatan akibat bencana, dan ancaman-ancaman keselamatan kesihatan.

5. Kami menyokong Satu ASEAN Satu Respon (One ASEAN One Response) dalam pengurusan bencana dan bantuan kemanusiaan dengan melaksanakan Pelan Tindakan bagi Perlaksanaan Deklarasi Pemimpin-Pemimpin ASEAN mengenai Pengurusan Kesihatan Akibat Bencana. Kami mengiktiraf perkongsian yang berterusan dalam Mengukuhkan Kapasiti Serantau ASEAN mengenai Pengurusan Kesihatan Akibat Bencana; dan Program Pengurusan Ancaman-Ancaman Biologi.
6. Kami mengesahkan semula komitmen kami terhadap Deklarasi Pemimpin-Pemimpin ASEAN mengenai Rintangan Antimikrob (AMR), dan menantikan ke arah memuktamadkan Rangka Kerja Strategik ASEAN untuk Menentang AMR melalui Pendekatan Satu Kesihatan atau *One Health Approach* (2019-2030), untuk menyumbang dalam pencapaian sekuriti kesihatan di peringkat negara, serantau dan global; serta matlamat dan sasaran pembangunan mampan yang relevan, bagi manusia, haiwan dan pertanian, kesihatan alam sekitar, dan keselamatan makanan.
7. Kami terus mengesahkan komitmen kami untuk menentang produk-produk perubatan yang *substandard* dan dipalsukan.
8. Kami menyokong Pelan Tindakan ASEAN yang dirangka bersama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk dimuktamadkan antara lain dalam menentang ubat-ubatan yang *substandard* dan dipalsukan dengan mengukuhkan mekanisme pengawalseliaan negara; penyelaras dan kerjasama terhadap perlaksanaan yang berterusan terhadap pencegahan, pengesanan dan tindak balas untuk menghapuskan ubat-ubatan yang *substandard* dan dipalsukan di negara-negara dan di rantau ini; dan, membina dan menyelenggara sistem pembekalan yang mantap yang akan menyumbang untuk memastikan penduduk di rantau ini, terutamanya di kawasan pedalaman AMS mempunyai akses kepada ubat-ubatan yang selamat, berkesan, murah dan berkualiti. Kami berharap untuk terus berkongsi pandangan dan kerjasama, serta mengejar dan melaksanakan tindakan-tindakan yang konkret terhadap ubat-ubatan yang *substandard* dan dipalsukan dalam konteks kerjasama kesihatan yang lebih luas di dalam dan di luar ASEAN. Kami terus komited untuk menganjurkan dan bekerjasama secara rapat dengan rakan-rakan dan pihak-pihak berkepentingan yang relevan mengenai perkara ini, serta memacu agenda tersebut, dan terus meningkatkan kolaborasi lebih lanjut mengenai ubat-ubatan yang *substandard* dan dipalsukan di Sidang Kemuncak Asia-Eropah Kali Ke-13 (ASEM Kali Ke-13) yang akan diadakan pada tahun 2020 di Phnom Penh, Kemboja.
9. Kami mengesahkan semula sokongan kami untuk memastikan keselamatan makanan, dengan bekerjasama di rantau ini dalam mengenalpasti kepentingan penilaian risiko dalam membentuk langkah-langkah keselamatan makanan yang berasaskan bukti, yang dimudahcara oleh Pusat Penilaian Risiko ASEAN (ARAC) untuk Keselamatan Makanan.

10. Kami tetap komited untuk mengukuhkan penjagaan kesihatan asasi demi mencapai Liputan Kesihatan Sejagat di kalangan AMS, dan memastikan ketersediaan dan penyediaan ubat-ubatan penting dan intervensi-intervensi kesihatan yang kos-efektif di kemudahan-kemudahan penjagaan kesihatan dan membina kapasiti pekerja-pekerja kesihatan.
11. Kami menghargai pencapaian yang dibuat oleh Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN mengenai Pembangunan Kesihatan dan Kluster Kesihatan ASEAN dalam mengukuhkan kerjasama kesihatan dan mengoperasikan Agenda Pembangunan Kesihatan ASEAN Pasca-2015, di bawah Pengerusian Kementerian Kesihatan Kemboja pada tahun 2018 dan 2019, dan mengalu-alukan Pengerusian dari Indonesia.
12. Kami menugaskan Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN dalam Pembangunan Kesihatan mengenai perkara-perkara berikut:
  - a) Memuktamadkan Pelan Tindakan ASEAN untuk menangani ubat-ubatan yang *substandard* dan dipalsukan, untuk menyokong dan bekerjasama secara dekat dengan rakan-rakan dan pihak-pihak berkepentingan yang relevan termasuk rakan-rakan dalam Sidang Kemuncak Asia-Eropah Kali Ke-13 pada tahun 2020 yang akan dianjurkan oleh Kemboja.
  - b) Menyokong pemantauan dan penilaian yang berkesan terhadap prestasi Program Kerja Berkumpulan Kluster Kesihatan ASEAN bagi Agenda Pembangunan Kesihatan ASEAN Pasca-2015, dan kemajuan kerjasama multi-sektoral serta multi-stakeholder mengenai perlaksanaan Deklarasi-deklarasi yang berkaitan dengan kesihatan, pencapaian dan kelemahan mereka, yang akan memberi panduan ke arah rebiu seterusnya dan pembangunan set program yang baru bagi tahun 2021 – 2025.
13. Kami mengiktiraf dan menghargai sumbangan oleh, dan selanjutnya komited untuk berkolaborasi secara rapat dengan Rakan-Rakan Dialog dan Pembangunan iaitu dengan mematuhi Peraturan-Peraturan Prosedur mengenai Penglibatan Entiti-Entiti bersama Sektor Kesihatan ASEAN.

Kami berharap untuk melanjutkan pertukaran pandangan dan kerjasama mengenai pembangunan kesihatan di Mesyuarat yang akan diadakan di Indonesia pada tahun 2021.